

# KENYATAAN MEDIA



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya  
No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## **MAJLIS PELANCARAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA (KBBM) DAN PELANCARAN CAWANGAN KEDAI 99 SPEEDMART KE- 2,000 DI PUNCAK SENTUL, KUALA LUMPUR.**

**KUALA LUMPUR, 25 NOVEMBER 2021** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa komited dalam memastikan sektor perdagangan pengedaran kembali normal secara berterusan. Pada masa yang sama, industri peruncitan termasuk operasi rangkaian kedai mini market juga memberi akses kepada masyarakat setempat untuk mendapatkan perkhidmatan dan barang keperluan asas dengan lebih mudah.

KPDNHEP juga telah menggerakkan inisiatif iaitu Kempen Beli Barang Malaysia bertujuan untuk memperkuatkan ekonomi domestik, selain daripada menggalakkan rakyat Malaysia untuk berbelanja dan membantu pemulihan ekonomi negara dibawah Pelan Pemulihian Negara (PPN) Fasa 4.

Pada hari ini, Majlis Pelancaran KBBM di 99 Speedmart Sendirian Berhad dan Perasmian Kedai 99 Speedmart (Cawangan ke-2000) di Puncak Sentul, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur disempurnakan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna. Kedai 99 Speedmart tidak asing dengan KPDNHEP, yang mana mereka adalah rakan kerjasama strategik yang telah menunjukkan komitmen yang amat tinggi dalam menjayakan KBBM pada tahun 2021.

KPDNHEP melihat bahawa pembukaan rasmi kedai ini adalah satu pencapaian kepada sektor industri peruncitan tempatan yang setanding dengan rangkaian industri peruncitan yang terdiri daripada jenama antarabangsa. Syarikat 99 Speedmart Sendirian Berhad juga telah memenangi Anugerah Kategori Kedai Harga Patut Kategori Kedai Runcit dan Pasar Mini sempena Anugerah Perdagangan Dalam Negeri 2020 (APDN 2020) yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 23 November 2021 yang lalu.

**YB Dato' Sri Alexander Nanta Linggi,  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna  
Putrajaya, 25 November 2021**

###

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP:

